

Keperluan Pendekatan Kepercayaan Dan Keyakinan Kepada Tuhan Melalui PTV

Shamsul Kamarudin¹

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia 81310 Johor, Malaysia

ABSTRAK : Pembangunan dan pembentukan insan yang sempurna adalah bermulanya dari pendidikan awal yang diterima sejak dari kecil. Untuk melahirkan rakyat yang rela berbakti serta berkorban ke arah mewujudkan perpaduan kaum dengan mengamalkan sikap toleransi, bekerjasama dan hormat menghormati adalah menjadi matlamat penting bagi pembangunan sesebuah negara. Sikap ini membantu kearah pembentukan satu bangsa yang maju dan makmur. Dengan kata lain, pendidikan yang disampaikan hendaklah mampu membina serta menghidupkan kesedaran insan tentang hakikat ketuhanan dan kesediaan untuk mematuhi. Usaha-usaha kearah membentuk penerapan kepercayaan dan keyakinan kepada Tuhan amat penting untuk melahirkan insan yang mempunyai keyakinan diri bahawa manusia dan alam tidak terjadi dengan sendiri tetapi ada penciptanya. Sikap keyakinan kepada Tuhan akan menjadikan jiwa manusia sebagai hamba yang taat serta patuh perintah. Keyakinan ini akan menguatkan kepercayaan bahawa hukum-hukum alam adalah hukum-hukum Tuhan dan manusia digalakkan untuk mengkaji fenomena alam. Ini menjadikan insan itu lebih berfikiran terbuka dan dapat menghargai semua perbezaan sebagai asas membangunkan idea-idea dan fikiran. Manusia juga dituntut memikul amanah dan bertanggungjawab dalam mentadbir dan memakmurkan alam ini dengan baik. Kertas konsep ini cuba mencari kepentingan penerapan kepercayaan dan keyakinan kepada Tuhan dalam melalui Pendidikan Teknik dan Vokasional di negara.

Katakunci : *Keperluan Pendekatan, Kepercayaan Kepada Tuhan & PTV*

ABSTRACT : Development and human development is a perfect start from the beginning of the education received from the remote. To produce people who are willing to serve and sacrifice to create national unity by adopting the attitude of tolerance, cooperation and respect is a key objective for economic development. This has helped towards the establishment of a developed and prosperous nation. In other words, education is delivered to be able to build, and switch on the human consciousness of the divine nature and a willingness to comply. Efforts toward the implementation of established trust and confidence in God is important to produce students who are confident that humans and nature do not happen by itself but its creator. The attitude of belief in God would make human life as a faithful and obedient servant of the order. This will strengthen confidence in the belief that the laws of nature are the laws of God and men are encouraged to study natural phenomena. This makes it more open-minded people and to appreciate the differences as the basis for developing ideas and thoughts. Man also claimed a responsibility and is responsible for administering and prosperity of this world good. The concept paper is trying to find the application of the importance of trust and confidence in God in melalui Technical and Vocational Education in the State.

Keywords : *Essential Of Approach, Belief In God & TVE*

1.0 PENGENALAN

Pembentukan sahsiah bagi seseorang itu yang ingin menjalani kehidupan yang harmoni perlulah seseorang itu mempunyai bimbingan atau sebuah kepercayaan.

“Komponen Kerohanian dan Moral amat penting bagi pemupukan nilai Islam dan nilai murni masyarakat berbilang kaum bagi melahirkan rakyat Malaysia yang percaya kepada Tuhan, berperibadi mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Komponen Kerohanian dan Moral mengandungi Pendidikan Islam untuk murid Islam dan Pendidikan Moral untuk murid bukan Islam. Pendidikan Islam memberi fokus kepada penyampaian ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan kepada Al- Quran dan Al-Sunnah. Manakala Pendidikan Moral memberi fokus kepada penyampaian ilmu untuk menjadikan seseorang insan berakhlak mulia dan bermoral tinggi.”

(Kurikulum Prasekolah Kebangsaan, 2007)

Melalui kurikulum di atas dapatlah kita lihat bahawa untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berakhlak mulia, bermoral, berperibadi mulia dan berupaya mencapai kesejahteraan diri seseorang itu mestilah mempunyai kekuatan sifat kerohanian dan nilai-nilai murni. Pendidikan Islam dan moral perlu disepadukan di atas satu matlamat yang sama iaitu membangunkan kepercayaan kepada Tuhan asas pembentukan akhlak yang mulia. Apabila seseorang itu mempunyai kepercayaan dan keyakinan terhadap Tuhan yang menciptakannya maka kesempurnaan diri itu akan dapat dirasai.

2.0 KONSEP PENDEKATAN KEPERCAYAAN DAN KEYAKINAN KEPADA TUHAN

Blase dan Blase (1998) menyatakan bahawa asas kejayaan sebuah sekolah yang berjaya bukannya disebabkan oleh pemimpin pengajaran (pengetua; guru besar) tetapi disebabkan oleh kordinasi para guru selaku pemimpin pengajaran. Daripada apa yang disarankan oleh beliau guru memainkan peranan penting dalam dalam membangunkan diri individu atau pelajar secara menyeluruh dengan berpandukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmoni dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan Negara”

(PPK, 1988)

FPK di atas menerangkan bahawa seseorang yang ingin harmoni dan seimbang dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek mestilah berlandaskan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Ini menunjukkan bahawa seseorang itu mestilah mempunyai agama yang wajib dianuti sebagai pegangan hidup. Menurut John West Burnham dan Vanessa Huws Jones (2007) di dalam bukunya *Spiritual and Moral Development in Schools* mengatakan

“Spiritualis the journey to find an authentic, unified and profound understanding of the existential self which informs action, sustains hope and enables personal transformation.”

(Burnham & Jones, 2007:18)

Daripada kata-kata di atas dapatlah kita katakan bahawa spiritual adalah penting kerana ia adalah sebuah perjalanan pemahaman dan perubahan terhadap diri seseorang. Di dalam bukunya juga menerangkan bahawa spiritual dapat diperolehi melalui pencarian diri, pencarian kebenaran, kebenaran sosial, komuniti, keindahan dan kasih sayang.

Menurut Rohana Hamzah (2009) pendekatan holistik iaitu penyepaduan di antara ilmu wahyu sebagai asas dengan ilmu intelektual mampu membawa pembangunan kejiwaan pelajar melalui pengajian ilmu intelektual. Mesej universal ilmu wahyu bertujuan membawa kesedaran dan pengakuan kewujudan Allah SWT sebagai pencipta sekalian alam dan menyedari tujuan kehidupan di dunia sebagai khalifah.

Menurut Rohana lagi terdapat dua cabang ilmu iaitu ilmu yang memenuhi keperluan kejiwaan (ilmu agama) yang boleh diklasifikasikan sebagai ilmu asas dan ilmu intelektual iaitu ilmu yang memenuhi keperluan jasad. Ilmu agama dan ilmu intelektual ini tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain kerana kedua-duanya adalah pelengkap antara satu sama lain.

Sebagai seorang manusia yang hidup dimuka bumi ini kita wajiblih menuntut kedua-dua ilmu untuk menunjukkan atau membuktikan kepatuhan kita sebagai hamba yang taat kepada Tuhan yang Maha Esa. Apabila seseorang itu percaya dan yakin terhadap penciptanya dan agamanya maka segala keputusan terhadap tingkahlakunya akan berada dilandaskan yang betul.

3.0 AMALAN KEROHANIAN AGAMA

Agama adalah sebuah pegangan hidup bagi setiap manusia yang hidup di muka bumi ini. Tanpa agama manusia akan hidup di dalam keadaan yang huru hara. Agamalah yang dapat membentuk pembangunan rohani dan jasmani yang seimbang dan sempurna. Menurut Zern (1989);

“That religious commitment was related to a student’s chances of living up to his or her ability level”

(Zern, 1989)

Memetik kata-kata di atas dapat kita lihat atau nyatakan bahawa kepentingan kepada semua manusia mestilah beragama. Ini kerana agama akan mendidik diri kita supaya lebih yakin dan mempunyai pendirian diri yang kukuh. Agama jugalah yang dapat merubah setiap manusia itu menjadi lebih baik. Di bawah ini di berikan amalan-amalan kerohanian yang wajib dilaksanakan oleh pegangan-pegangan agama di negara kita;

4.0 AMALAN KEROHANIAN AGAMA ISLAM

Agama Islam adalah sebuah agama yang di bawa oleh seorang rasul yang mendapat wahyu dari Allah SWT melalui perantaraan malaikat Jibril. Sesungguhnya sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud.

“Islam itu dibina di atas ilmu asas iaitu syahadat atau naik saksi bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan bahawa sesungguhnya Nabi Muhammad s.a.w itu pesuruh Allah. Kedua ialah mendirikan sembahyang fardu lima waktu. Ketiga ialah berpuasa sebulan pada bulan Ramadan. Keempat ialah membayar zakat dan kelima ialah menunaikan fardu haji ke Mekah bagi yang berkuasa.”

Hadis di atas membincangkan tentang rukun islam yang lima yang wajib diketahui dan dipatuhi oleh setiap manusia yang mengaku dirinya seorang islam. Kalimah syahadat yang terbahagi kepada dua iaitu “Aku bersaksi tiada Tuhan melainkan Allah” dan “aku bersaksi bahawa Muhammad adalah pesuruh Allah”. Dua kalimah syahadah mestilah diikrar sekaligus bukan separuh sahaja. Jika disebut atau menerima separuh sahaja maka tidak memadai dan tidak sah dia menjadi seorang islam.

Susunan kalimah ini dimulai dengan perkataan “tidak” yang bertujuan untuk menafikan segala rupa bentuk tuhan, kepercayaan, keyakinan dan akidah yang bertentangan dengan ajaran islam. Ertinya seorang islam itu mestilah membersihkan hatinya terlebih dahulu dari segala bentuk fahaman terhadap benda lain dan meyakini sesungguhnya akan kewujudan dan kekuasaan Allah yang Maha Esa. Dengan itu selamatlah seseorang itu daripada kesesatan hidup di dunia.

Semakin luas dan mendalam seseorang islam itu memahami, mengerti dan mengetahui konsep syahadah itu semakin kuat dan teguhlah kesedaran dan keimanan untuk menunaikan tuntutan-tuntutan dua kalimah syahadah itu iaitu:

- i. Dibuktikan dengan mendirikan sembahyang lima waktu yang merupakan sebagai tiang kepada kebesaran Islam.
- ii. Dibuktikan dengan menunaikan zakat
- iii. Dibuktikan dengan menunaikan ibadat puasa Ramadan
- iv. Dibuktikan dengan menunaikan ibadat haji ke Mekah, bagi yang berkuasa sekali seumur hidup.
- v. Kezuhudan hidup di dunia ini dengan meninggalkan dosa-dosa besar, dan perbuatan-perbuatan yang mungkar yang diharamkan dan dilarang oleh Allah SWT

Seseorang Muslim yang membuktikan penyaksian kebenaran Allah dan Rasulnya dengan lima ciri amalan fardu tersebut, yang juga merupakan asas kepada binaan muslim yang dijanjikan oleh Allah mendapat kejayaan hidup di dunia dan akhirat.

5.0 AMALAN KEROHANIAN AGAMA HINDU

Agama Hindu telah terpelihara sejak zaman Veda lagi dengan idea bahawa Tuhan (Brahman) wujud dan boleh dialami secara mendalam dengan mencapai keadaan kesedaran. Mereka percaya dengan kitaran kelahiran, kematian dan kelahiran semula (samsara) di mana sistem ini bergantung dengan amalan-amalan (karma) seseorang itu yang akan menentukan kehidupan seterusnya di alam yang lain. Yoga (penyatuan) ialah amalan rohaniah untuk mencapai penyatuan antara Atman (iaitu, roh diri) dengan Brahman (Roh Agung). Brahman, satu realiti yang menyeluruh, menjadi Isvara (Tuhan) melalui tiga sifatnya iaitu;

- i. Brahma: Pencipta
- ii. Vishnu: Pemelihara

- iii. Shiva: Tuhan Pemusnah dan Kelahiran semula.

Ini pula boleh ditambah dengan pemujaan kuasa feminin alam semesta, iaitu Shakti yang juga dipanggil Devi. Orang Hindu mempunyai tiga kepercayaan utama:

5.1 Shaivisme

Pemujaan Shiva, dewa paling hebat, iaitu Pemusnah dan Pencipta Semula. Shiva juga dikenali sebagai Mahadev atau Maha Dewa. Kuasa ciptaannya dirayakan dengan penyembahan lingam, satu objek pujaan berbentuk huruf r yang lazim terdapat di kuil-kuil dan juga rumah-rumah orang beragama Hindu.

5.2 Vaishnavisme

Pemujaan dewa Vishnu merupakan amalan paling popular di kalangan orang Hindu sebab Dewa ini sering mengambil bentuk manusia dari masa kesemasa untuk membantu manusia. Dewa ini telah melalui sembilan kehidupan semula (avataras) dan ia diramalkan akan kembali hidup semula dalam bentuk lain. Daripada sembilan kelahiran itu, dua kelahiran yang paling utama adalah ketika Dewa ini mengambil bentuk manusia sebagai Rama dan Krishna

5.3 Shaktisme:

Pemujaan tenaga aktif wanita yang termasuk kuasa pemusnah Kali dan yang lebih lembut, iaitu Dewa Parvati dan Uma.

6.0 AMALAN KEROHANIAN AGAMA BUDDHA

Amalan kerohanian agama Buddha juga menjunjung tinggi nilai-nilai kemoralan. Nilai-nilai kemoralan yang diharuskan untuk umat Buddha biasanya dikenal dengan Pancasila. Kelima-lima nilai-nilai kemoralan untuk Buddha adalah:

- i. Panatipata Veramani Sikkhapadam Samadiyami
 - aku bertekad akan melatih diri menghindari pembunuhan makhluk hidup
- ii. Adinnadana Veramani Sikkhapadam Samadiyami
 - aku bertekad akan melatih diri menghindari pencurian atau mengambil barang yang tidak diberikan
- iii. Kamesu Micchacara Veramani Sikkhapadam
 - aku bertekad akan melatih diri menghindari melakukan perbuatan melanggar tatasusila
- iv. Musavada Veramani Sikkhapadam Samadiyami
 - aku bertekad akan melatih diri menghindari melakukan perkataan dusta
- v. Surameraya Majjapamadatthana Veramani Sikkhapadam Samadiyami

- aku bertekad akan melatih diri menghindari makanan atau minuman yang dapat menyebabkan lemahnya kesadaran

Selain nilai-nilai moral di atas, agama Buddha juga amat menjunjung tinggi karma sebagai sesuatu yang berpegang pada prinsip sebab akibat. Kamma (bahasa Pali) atau Karma (bahasa Sanskerta) bererti perbuatan atau aksi. Guru Buddha dalam Nibbedhika Sutta; Anguttara Nikaya menjelaskan secara jelas erti dari kamma iaitu perbuatan cetana (kehendak) yang dinyatakan sebagai kamma. Setelah berkehendak, orang melakukan suatu tindakan lewat tubuh, ucapan atau pikiran.”

Jadi, karma bererti semua jenis kehendak (cetana), perbuatan yang baik mahupun buruk atau jahat, yang dilakukan oleh jasmani (kaya), perkataan (vacī) dan fikiran (mano), yang baik (kusala) mahupun yang jahat (akusala). Kamma atau sering disebut sebagai Hukum Kamma merupakan salah satu hukum alam yang bekerja berdasarkan prinsip sebab akibat. Selama suatu makhluk berkehendak, melakukankamma (perbuatan) sebagai sebab maka akan menimbulkan akibat atau hasil. Akibat atau hasil yang ditimbulkan darikamma disebut sebagai Kamma Vipaka.

7.0 AMALAN KEROHANIAN AGAMA KRISTIAN

Agama Kristian adalah agama terbesar di dunia, kira-kiranya 2.1 bilion penganut, atau sepertiga jumlah penduduk dunia. Agama Kristian adalah sebuah agama monotheis yang berdasarkan kehidupan dan ajaran-ajaran Yesus dari Nazaret sebagaimana ditunjukkan dalam karya-karya para pengikutnya dalam Perjanjian Baru. Agama Kristian berkongsi semua kitab-kitab dalam kitab Ibrani dengan agama Yahudi, dan kerana sebab ini, ia juga digelar sebuah agama usulan Abraham. Penganut Kristian atau Nasrani, mengikuti ajaran Yesus Kristus (Yehoshua dalam bahasa Ibrani). Yesus dikenali juga dengan panggilan 'Al-Masih'.

Pelbagai tradisi agamawi, kepercayaan, dan cara sembahyang yang memegang pada adat resam yang tertentu wujud dalam Kristian. Agama Kristian selalunya dipaparkan sebagai tiga aliran yang terutama yang telah dibentuk selama dua ribu tahun dahulu:

- i. Katolik Roma (Mazhab yang nyata terbesar, dengan lebih dari 1 bilion penganut yang telah dibaptis),
- ii. Ortodoks (Ortodoks Timur Dan Ortodox Timur Tengah),
- iii. Protestan (Pelbagai mazhab dan aliran fikiran, seperti Anglikanisme, Reformasi, Luteran, Methodis, Injili, and Pentekostalisme)

Penganut Kristian menganggap bahawa Yesus adalah anak Yahwe. Beliau dikatakan membentuk sebahagian daripada Tritunggal (sang hyang Tri Tunggal di Indonesia atau Tri Tunggal Mahasuci di Singapura). 'Tritunggal' bermaksud persatuan Yahwe Tuhan Bapa, Tuhan Anak (Yesus) dan Roh Kudus yang membentuk satu Tuhan. Penganut Kristian juga percaya bahawa Yesus wujud bersama Yahwe sebelum terciptanya dunia, dilahirkan di dunia menerusi Bunda Mariam (yang merupakan seorang perawan), dibangkitkan dari kubur setelah wafat selama tiga hari dan kini berada di "tangan kanan" Yahwe.

Di antara semua agama yang berada di negara mahu pun dunia, agama islamlah sebuah agama yang maha suci. Ini kerana agama islam bukanlah agama budaya atau agama buatan seperti agama-agama lain, ianya adalah agama wahyu. Iadisebarkan oleh seorang Rasul yang maksum yaini seorang yang terpelihara dari sebarang dosa selepas mendapat perintah

Allah SWT. Agama Islam tidak memisahkan dunia dan akhirat, roh dan jasad. Agama Islam juga bertuhankan kepada yang satu iaitu Allah SWT sahaja, tidak seperti agama Hindu yang bertuhankan Brahman, agama Buddha bertuhankan Karma dan agama Kristian yang menyatakan Tuhan itu ada anak iaitu Yesus. Kesemua agama budaya ini adalah menyesatkan.

8.0 MELAHIRKAN UMMAH YANG MEMILIKI KEPERIBADIAN UNGGUL

Ummah yang berakhlak adalah manifestasi dari ummah yang berakidah. Tanpa akidah tidak mungkin ummah akan memiliki akhlak yang mulia. Permasalahan yang wujud mutakhir ini merupakan jawapan yang paling jelas bahawa dunia hari ini sedang menghadapi penyakit moral dan akhlak yang amat kronik. Justeru tu, akidah memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah dan rupa diri ummah pada masa kini. Kesemua Sarjana Muslim memperakui bahawa akidah merupakan pemangkin kepada pembinaan peribadi mulia.

Situasi ummah mutakhir ini diakui dengan jelas oleh tokoh pemikir Islam yang terkenal di abad ini, Prof. Dr. Yusuf al-Qardhawi. Menurut beliau, kegagalan terakhir yang dideritai oleh umat ini adalah kegagalan dalam pendidikan keimanan dan pendidikan akhlak sehingga muncul ditengah-tengah ummah tindakan-tindakan menyimpang dari nilai-nilai yang menjadikan umat Islam sebagai umat yang terbaik. Falsafah-falsafah Barat seperti pragmatisme, hedonisme, individualisme dan sebagainya tersebar luas di kalangan umat Islam. Falsafah-falsafah ini sudah jauh menyimpang dari ajaran Islam yang sebenar.

Perkara yang amat menyedihkan ialah umat Islam tidak mengambil nilai-nilai yang baik dari masyarakat Barat hasil dari teori yang mereka cipta, tetapi sebaliknya memilih nilai-nilai yang paling buruk daripada mereka, khususnya dalam perkara-perkara yang bersifat hedonistik dan perhambaan kepada nafsu syahwat.

Menurut al-Qaradhawi, persoalan akhlak bukanlah perkara remeh bagi sesuatu bangsa, malah ia adalah suatu keperluan yang harus dipenuhi untuk kebangkitan, kemakmuran dan keteguhan sesuatu bangsa. Jika akhlak sudah tiada maka yang berkuasa ialah hawa nafsu dan kepentingan peribadi, maka kepimpinan ummah akan menjadi muflis dalam segala ragam dan bentuk. Ini bertepatan dengan firman Allah s.w.t yang bermaksud:

“Kemudian mereka digantikan oleh keturunan-keturunan yang mencuaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu (dengan melakukan maksiat); maka mereka akan menghadapi azab (dalam neraka). Kecuali orang-orang yang bertaubat dan beriman serta beramal soleh, maka mereka itu akan masuk Syurga, dan mereka pula tidak dikurangkan pahala sedikitpun”

(Surah Maryam:59-60)

9.0 KEMANTAPAN KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

Ummah yang berakidah memiliki daya kekuatan untuk memahami sesuatu isu dalam masyarakat dengan membuat penilaian secara kritis di antara kebenaran dan kepalsuan. Justeru itu pemikiran mereka tidak mudah dipesongkan oleh sebarang unsur yang menyeleweng dari garis panduan Islam yang sebenar. Ummah yang berakidah juga akan bertindak secara progresif dan dinamis dengan melakukan penyelidikan secara terperinci terhadap sesuatu isu yang berlaku dalam masyarakat. Ini bermaksud ummah yang berakidah tidak menerima sesuatu maklumat secara bertaklid kepada mana-mana pihak kerana Allah s.w.t menuntut agar mukmin menyelidiki sumber maklumat dan tidak mudah menerima apa yang ada dalam masyarakat.

Al-Quran amat menekankan kepentingan menyelidiki sesuatu perkara sebelum membuat keputusan mengenainya terutama pada perkara-perkara yang melibatkan masyarakat

dan kepentingan ummah. Ini terkandung dalam firman Allah s.w.t yang meminta mukmin agar tidak mudah menerima berita yang dibawa oleh orang fasik, tanpa menyelidikinya terlebih dahulu kerana tindakan tersebut kemungkinan akan menyebabkan mereka menjatuhkan sesuatu hukuman terhadap seseorang berasaskan kejahilan dan mereka akan menyesal di atas tindakan tersebut di akhirat kelak.

“Wahai orang-orang yang beriman, Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.
”(Surah al-Hujurat:6)

10.0 KESIMPULAN

Dari penulisan ini dapatlah kita mengetahui mengenai beberapa amalan yang diamalkan oleh beberapa agama di negara kita. Sememangnya negara kita terkenal dengan masyarakat yang berbilang kaum dan berbilang agama. Selain itu negara kita terkenal dengan keharmonian, keselesaan, toleransi dan kedamaian.

Pegangan hidup ini amatlah diperlukan untuk meneruskan hidup yang penuh dengan pancaroba dan cabaran. Kita tidak mahu hidup tanpa arah tujuan dan terumbang ambing di dalam pencarian kebenaran. Hidup beragama adalah sebuah kehidupan yang harmoni, tenang dan damai. Ia juga mengajar manusia supaya menjalankan kehidupan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah.

Setiap agama mengajar umatnya supaya percaya dan yakin terhadap Tuhannya. Dengan keyakinan inilah maka wujud manusia yang mempunyai keteguhan pendirian yang jati. Pelajar-pelajar zaman sekarang perlu di terapkan semangat spiritual di sekolah lagi supaya mereka boleh mengenal diri sendiri sebelum mereka menempuh alam pekerjaan yang sebenar. Semangat ini mampu membangunkan potensi individu yang selama ini terpendam untuk membentuk akidah yang mulia.

Sehubungan dengan itu ummah yang berakidah tidak akan sanggup melakukan sebarang kemungkaran samada secara terang atau secara tersembunyi kerana sangat meyakini bahawa Allah SWTmaha melihat. Natiyahnya, kesejahteraan dan keamanan dalam sesebuah negara akan terjamin dengan sebaik mungkin seterusnya rakyat akan hidup dengan aman dan makmur.

RUJUKAN

- Blase, J., & Blase, J (1998). *Handbook of instructional leadership. How really good principals promote teaching and learning*. Thousand Oaks, CA: Corwin.
- John West B, Vanessa Huws J (2007). *Spiritual and Moral Development in Schools*. New York: Cromwell Press Ltd.
- Rohana Hamzah (2009). *Monograf Mengenal Manusia Asas Pembangunan Pendidikan Berkualiti*. Skudai: UTM
- Ustaz Sulaiman Endut. (2002). *Asas-asas Fardu Ain*. Kuala Lumpur: Pustaka Hj Abdul Majid.
- Utusan Malaysia (2009). Jumaat 12 Jun
- Yahya Emat (1993). *Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia*. Selangor: IBS Buku Sdn Bhd.
- Zern, D.S (1989). *Some connections between increasing religiousness and academic accomplishment in a college population*. *Adolescence*, 24, 141-154.